



GEMBIRA...Hakim dan Hazim menunjukkan skrol diterima.

Pasang niat belajar bersama ke universiti

SERDANG: "Kami tidak pernah berpisah dari sekolah rendah hingga ke universiti dan ini menjadikan kami lebih serasi, tambahan pula bidang yang diambil mempunyai persamaan membolehkan kami berkongsi nota serta maklumat," kata pasangan kembar, Muhammad Hakim Hashim, 21, dan Muhammad Hazim Hashim, 21.

Kedua-dua mereka menerima diploma pada Majlis Konvokesyen Ke-36 Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam masing-masing dalam bidang Diploma Pengurusan Perladangan Makanan dan Diploma Pertanian.

Menurut Hakim, mereka berdua memilih untuk menyambung pengajian di UPM cawangan Bintulu kerana tetap ingin bersama belajar sehingga ke universiti.

Katanya, mungkin sudah menjadi lumrah pasangan kembar seiras di mana su-

kar berpisah serta masing-masing memahami apa yang diinginkan membolehkan setiap perkara dilakukan berjalan dengan baik.

"Kami merancang untuk menyambung pengajian ijazah di UPM selepas ini dan mungkin akan bersama-sama bekerja dalam satu bidang agar keserasian kami ini akan dapat memajukan syarikat yang menerima kami bekerja.

"Mesti ramai yang menganggap kembar seiras sukar untuk belajar sekiranya sentiasa bersama tetapi itu bukan penghalang kepada kami kerana Allah memberikan minat yang sama kepada kami berdua.

"Ibu bapa sentiasa memberikan nasihat agar kami belajar bersungguh-sungguh dan tidak melakukan sebarang perkara yang menyalahi peraturan universiti," katanya ketika ditemui selepas majlis terbaik.